

## KETUA MENTERI DIPERBADANKAN

BORNEO SAMUDERA SDN. BHD.

### Perkara Utama

#### Apa yang diaudit?

- Borneo Samudera Sdn. Bhd. (BSSB) ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 27 Februari 1995 dengan modal berbayar berjumlah RM50 juta. Rikaworth Sdn. Bhd. (Rikaworth) yang merupakan syarikat subsidiari kepada Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB) memegang 100% saham BSSB. SKSB adalah syarikat milikan penuh di bawah Ketua Menteri Diperbadankan. Aktiviti utama BSSB adalah untuk menjalankan pembangunan ladang kelapa sawit melalui aktiviti perladangan dan perkilangan, serta pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit.
- Penilaian terhadap aktiviti utama BSSB bagi tahun 2020 hingga 2022 meliputi dua bidang utama Audit iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Dua perkara yang dinilai bagi prestasi aktiviti ialah pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.
- Perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti meliputi aspek pelupusan kenderaan/jentera ladang, penyimpanan baja, pensijilan operasi ladang dan kilang, serta tunggakan daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan.
- Analisis kedudukan kewangan dijalankan terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2019, 2020 dan 2021.
- Penilaian terhadap sembilan aspek amalan tadbir urus korporat iaitu Pengerusi; Lembaga Pengarah; Setiausaha Syarikat; Ketua Pegawai Eksekutif; Prosedur Operasi Standard (SOP); Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI); Jawatankuasa Audit; Audit Dalam; serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan dibuat bagi tahun 2020 hingga 2022.

**Mengapa ia  
penting  
untuk  
diaudit?**

- Menilai pencapaian objektif penubuhan syarikat seperti dinyatakan dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A) BSSB yang antaranya adalah untuk membangunkan tanah serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga.
- Aktiviti pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit melalui aktiviti perladangan dan perkilangan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan syarikat. Bagi tahun 2019, 2020 dan 2021, aktiviti ini telah masing-masing menyumbang 93%, 96.2% dan 97.7% kepada jumlah pendapatan BSSB.

**Apa yang  
ditemui  
Audit?**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan BSSB untuk membangunkan tanah serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga telah tercapai. Bagi aspek keberhasilan, pembayaran dividen kepada Kerajaan hanya dibuat pada tahun 2021. Pencapaian pengeluaran dan jualan produk kelapa sawit berbanding sasaran bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah memuaskan dan memberi kesan positif kepada prestasi kewangan syarikat. Bagaimanapun, pelupusan kenderaan/jentera dan kerja menaik taraf stor baja belum diselesaikan. Selain itu, tunggakan hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan memberi risiko kepada aliran tunai dan kecekapan operasi syarikat. Kedudukan kewangan BSSB adalah kukuh dengan merekodkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.60 bilion setakat 31 Disember 2021. Bagi aspek tadbir urus korporat, secara keseluruhannya adalah baik.

**Apa yang  
disyorkan  
Audit?**

Bagi meningkatkan lagi prestasi aktiviti dan memantapkan amalan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah BSSB perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak BSSB perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti berikut:

- mengurus kos operasi ladang yang menunjukkan trend peningkatan bagi memaksimumkan keuntungan;

- mengambil tindakan terhadap pelupusan kenderaan/jentera dan kerja menaik taraf stor baja;
- hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan berjumlah RM1.072 bilion hendaklah dituntut bagi mengelakkan kerugian kepada syarikat. Penjadualan semula bayaran hutang syarikat berkenaan atau dikontrakkan dengan bayaran dividen kepada syarikat induk boleh dipertimbangkan bagi mengurangkan hutang berkenaan; dan
- mematuhi dan menambah baik amalan tadbir urus korporat dalam aspek SOP serta Pelan Strategik dan KPI.



## KETUA MENTERI DIPERBADANKAN

### 5. BORNEO SAMUDERA SDN. BHD.

#### FAKTA UTAMA

<b>27.02.1995</b> Diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965	<b>Rikaworth Sdn. Bhd.</b> Pemegang 100% saham syarikat	<b>RM1.60 bilion</b> Keuntungan terkumpul setakat 31 Disember 2021
<b>Objektif Penubuhan</b>	Membangunkan tanah serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga	
<b>Aktiviti Utama</b>	Pembangunan ladang kelapa sawit serta pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit	
<b>Modal Berbayar</b>	RM50 juta	
<b>Jenis Syarikat</b>	Syarikat Berhad Menurut Syer	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Borneo Samudera Sdn. Bhd. (BSSB) telah ditubuhkan pada 27 Februari 1995 di bawah Akta Syarikat 1965. BSSB merupakan Syarikat Berhad Menurut Syer dengan modal berbayar berjumlah RM50 juta. Rikaworth Sdn. Bhd. (Rikaworth) yang merupakan syarikat subsidiari kepada Sawit Kinabalu Sdn. Bhd. (SKSB) memegang 100% saham BSSB. SKSB pula merupakan syarikat milikan penuh di bawah Ketua Menteri Diperbadankan.

1.2. Berdasarkan Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A), antara objektif penubuhan BSSB adalah untuk membangunkan tanah serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga. Aktiviti utama syarikat yang dijalankan ialah pembangunan ladang kelapa sawit melalui aktiviti perladangan dan perkilangan, serta pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit.

1.3. BSSB mengusahakan 28 ladang kelapa sawit milikan sendiri di daerah Beaufort, Kudat, Sandakan, Tawau dan Lahad Datu dengan keluasan ditanam sebanyak 53,157 hektar (Ha) setakat 31 Disember 2022. BSSB juga memiliki lima kilang pemprosesan buah kelapa sawit di Lumadan, Beaufort; Langkon, Kudat; Sepagaya, Sandakan; serta Apas Balung dan Kunak, Tawau. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KAWASAN PENANAMAN KELAPA SAWIT BSSB**  
**BAGI TAHUN 2022**

KAWASAN/ DAERAH	BIL. LADANG	BIL. KILANG	KAWASAN MATANG (Ha) (a)	PENANAMAN SEMULA KAWASAN TIDAK MATANG (Ha) (b)	JUMLAH KAWASAN DITANAM (Ha) (c)=(a)+(b)
Beaufort	5	1	4,952	457	5,409
Kudat	4	1	3,670	2,023	5,693
Sandakan	8	1	11,599	3,231	14,830
Lahad Datu	5	-	13,155	347	13,502
Tawau	6	2	12,936	787	13,723
<b>JUMLAH</b>	<b>28</b>	<b>5</b>	<b>46,312</b>	<b>6,845</b>	<b>53,157</b>


Sumber: BSSB

1.4. SKSB selaku pemegang 100% saham syarikat melalui Rikaworth menyumbang modal kepada BSSB dalam bentuk pelaburan saham bagi membiayai operasi syarikat. Sebagai balasan, BSSB memberi pulangan dengan membayar dividen kepada SKSB melalui Rikaworth.

1.5. Pendapatan utama BSSB adalah daripada aktiviti pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit iaitu buah tandan segar [fresh fruit bunches (FFB)], minyak sawit mentah [crude palm oil (CPO)] dan isirung kelapa sawit [palm kernel (PK)]. Aktiviti ini dilaksanakan melalui pengeluaran FFB dari ladang kelapa sawit milik BSSB selain daripada hasil dari ladang kelapa sawit milik persendirian. FFB dihantar ke kilang milik BSSB atau dijualkan kepada kilang swasta untuk diproses menjadi produk utama iaitu CPO dan PK. CPO dan PK dijual kepada pelanggan tempatan berdasarkan harga CPO dan PK yang ditentukan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia [Malaysian Palm Oil Board (MPOB)].

1.6. Selain aktiviti jualan produk kelapa sawit, BSSB juga menjalankan aktiviti lain dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan syarikat iaitu penyewaan tanah dan bangunan, serta penjualan baja makanan haiwan dan perkhidmatan makmal (persampelan dan perkhidmatan analisis). Model perniagaan BSSB adalah seperti dalam **Carta 1**.


**CARTA 1**  
**MODEL PERNIAGAAN BSSB**



Sumber: BSSB

1.7. Struktur organisasi BSSB mempunyai lima bahagian utama iaitu Bahagian Perladangan dan Perniagaan Baru I; Bahagian Perladangan dan Perniagaan Baru II; Bahagian Kewangan; Bahagian Sumber Manusia dan Pentadbiran; serta Bahagian Pemprosesan, Kejuruteraan dan Pembangunan Hartanah. Setiap bahagian diketuai oleh seorang pengurus besar yang mempunyai unit di bawahnya. Struktur organisasi BSSB setakat 31 Disember 2022 adalah seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**STRUKTUR ORGANISASI BSSB SETAKAT 31 DISEMBER 2022**



Sumber: BSSB

Nota: ARAS - Agriculture Research and Services

1.8. Setakat 31 Disember 2022, Lembaga Pengarah BSSB terdiri daripada lima ahli iaitu tiga Pengarah berstatus bebas dan dua Pengarah bukan bebas. Pengurusan BSSB diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan dibantu oleh 193 kakitangan pelbagai jawatan tidak termasuk pekerja ladang dan kilang.

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan BSSB melalui pengurusan aktiviti pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit yang dilaksanakan dengan cekap dan berkesan; amalan tadbir urus korporat yang baik; dan kedudukan kewangan syarikat yang kukuh.

### **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan terhadap aktiviti BSSB meliputi aktiviti pengeluaran dan penjualan produk kelapa sawit melalui aktiviti perladangan dan perkilangan yang merupakan penyumbang utama kepada pendapatan syarikat. Berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021, aktiviti ini telah menyumbang antara 93% hingga 97.7% daripada jumlah keseluruhan pendapatan BSSB.

3.2. Dua bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan aktiviti ialah prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti. Penilaian prestasi meliputi dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan. Pencapaian output dinilai berdasarkan prestasi pengeluaran dan prestasi penjualan produk kelapa sawit. Pencapaian keberhasilan pula dinilai berdasarkan pencapaian objektif penubuhan syarikat dan pembayaran dividen kepada Kerajaan. Perkara yang dinilai dalam pengurusan aktiviti meliputi aspek pelupusan kenderaan/jentera ladang, penyimpanan baja, pensijilan operasi ladang dan kilang, serta tunggakan daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan.

3.3. Pengauditan terhadap amalan tadbir urus korporat meliputi sembilan aspek iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Prosedur Operasi Standard (SOP), Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Jawatankuasa Audit, Audit Dalam, serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

3.4. Penilaian kedudukan kewangan melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; aset dan liabiliti; nisbah kewangan; serta aliran tunai berdasarkan penyata kewangan beraudit tahun 2019, 2020 dan 2021.

3.5. Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2022 di pejabat BSSB yang terletak di Kota Kinabalu. Tiga (10.7%) ladang BSSB telah dilawati iaitu Ladang Lumadan, Beaufort yang terletak terdekat dengan Kota Kinabalu serta Ladang Sg. Balung dan Ladang Sg. Kawa di Tawau yang merupakan antara daerah penanaman kelapa sawit yang besar. Selain itu, dua (40%) sampel kilang BSSB yang dilawati ialah Kilang Lumadan, Beaufort dan Kilang Apas Balung, Tawau.

### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

4.1. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan BSSB serta menganalisis data berkaitan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga dijalankan untuk mendapatkan penjelasan

lanjut. Selain itu, lawatan fizikal dijalankan ke ladang dan kilang sawit di daerah Beaufort dan Tawau bagi menilai keberkesanan pengurusan aktiviti yang dilaksanakan oleh BSSB.

4.2. Analisis kedudukan kewangan syarikat dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan BSSB yang telah diaudit oleh Tetuan KPMG PLT bagi tahun 2019 dan 2020 serta Tetuan Crowe Malaysia PLT bagi tahun 2021.

## **5. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Pengauditan telah dijalankan pada bulan Ogos hingga November 2022 manakala lawatan fizikal dijalankan pada bulan Disember 2022 dan Januari 2023. Perkara yang ditemui serta maklum balas daripada BSSB telah dibincangkan dalam Mesyuarat Penutup pada 21 Jun 2023. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan Audit adalah seperti dalam perenggan berikut:

### **5.1. Prestasi Aktiviti**

Penilaian prestasi aktiviti meliputi dua perkara iaitu pencapaian output dan pencapaian keberhasilan.

#### **5.1.1. Pencapaian Output**

Dua aspek yang dinilai bagi pencapaian output ialah prestasi pengeluaran dan prestasi jualan produk kelapa sawit.

##### **5.1.1.1. Prestasi Pengeluaran Produk Kelapa Sawit**

###### **a. Prestasi Kuantiti Pengeluaran FFB**

- i. Berdasarkan bajet tahunan syarikat, BSSB menyasarkan kuantiti pengeluaran FFB pada tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 971,340 metrik tan (MT); 937,150 MT; dan 942,160 MT.
- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran sebenar FFB pada tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah masing-masing 842,569 MT (86.7%), 814,919 MT (87%) dan 883,427 MT (93.8%) berbanding yang disasarkan seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PENCAPAIAN KUANTITI PENGELUARAN FFB**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN (%)
2020	971,340	842,569	86.7
2021	937,150	814,919	87.0
2022	942,160	883,427	93.8

Sumber: Bajet Tahunan 2020, 2021 dan 2022; serta Data Management Committee Meeting (MCM) Tahun 2020, 2021 dan 2022

- iii. Berdasarkan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah, pengeluaran FFB tidak mencapai sasaran pada tahun 2020 dan 2021 disebabkan pengeluaran tanaman yang lebih rendah pada separuh pertama tahun tersebut di seluruh negara dan gangguan penuaian akibat hujan lebat semasa musim tengkujuh.
- iv. Selain itu, BSSB memaklumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada tahun 2020 dan 2021 turut memberi kesan kepada pengeluaran FFB. Keadaan ini menyebabkan pekerja yang telah pulang ke negara asal sebelum penutupan sempadan tidak dapat kembali mengikut jadual; produktiviti pekerja terjejas akibat perintah kuarantin; dan kelewatan penghantaran baja menjelaskan jadual pembajaan yang seterusnya menjelaskan kesuburan dan produktiviti pokok sawit.
- v. Perbandingan pengeluaran FFB oleh BSSB dengan pengeluaran di negeri Sabah dan Malaysia bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PERBANDINGAN PENGELUARAN FFB OLEH BSSB, SABAH DAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

PERKARA	HASIL SEHEKTAR (MT/Ha)		
	2020	2021	2022
BSSB	20.11	18.58	19.08
Sabah	16.84	15.77	15.39
Malaysia	16.73	15.47	15.49

Sumber: BSSB dan Data MPOB

- vi. Merujuk **Jadual 3**, BSSB mencapai prestasi pengeluaran FFB sebanyak 20.11 MT/Ha, 18.58 MT/Ha dan 19.08 MT/Ha masing-masing bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Pencapaian pengeluaran FFB adalah rendah bagi tahun 2021 berbanding tahun sebelumnya namun meningkat semula pada

tahun 2022. Prestasi pengeluaran FFB bagi BSSB secara keseluruhannya telah mengatasi purata pengeluaran negeri Sabah dan juga Malaysia dalam tempoh tiga tahun tersebut.

vii. BSSB hendaklah menguruskan kos operasi ladang bagi mengoptimumkan keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati kos operasi ladang per MT bagi 28 ladang kelapa sawit BSSB semakin meningkat dalam tempoh tiga tahun dengan peningkatan sejumlah RM41.70/MT (14.5%) pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 dan peningkatan sejumlah RM115.08/MT (34.9%) pada tahun 2022 berbanding dengan tahun sebelumnya. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**KOS OPERASI 28 LADANG BSSB**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	KOS OPERASI LADANG (RM/MT)
2020	288.44
2021	330.14
2022	445.22

Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- Lawatan Audit ke Ladang Lumadan, Ladang Sg. Balung dan Ladang Sg. Kawa mendapati perkara seperti berikut:
  - Jumlah keluasan kawasan ditanam pokok kelapa sawit yang terbesar pada tahun 2022 ialah Ladang Sg. Balung sebanyak 3,664 Ha, diikuti dengan Ladang Sg. Kawa sebanyak 2,130 Ha dan Ladang Lumadan sebanyak 1,190 Ha.
  - Hasil pengeluaran bagi Ladang Lumadan semakin menurun dalam tempoh tiga tahun dengan penurunan daripada 21.27MT/Ha tahun 2020 kepada 18.57 MT/Ha (12.7%) tahun 2021 dan seterusnya kepada 15.39 MT/Ha (17.1%) tahun 2022. Prestasi hasil pengeluaran bagi Ladang Sg. Balung adalah stabil dengan pencapaian antara 22.50 MT/Ha hingga 24.64 MT/Ha bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Bagi Ladang Sg. Kawa pula, penurunan hasil pengeluaran per hektar pada tahun 2021 adalah sebanyak 15.7%.
  - Kos operasi ladang per MT bagi ketiga-tiga ladang BSSB semakin meningkat dalam tempoh tiga tahun dengan peningkatan sebanyak 13.4% tahun 2021 dan 42.2% tahun 2022 bagi Ladang Lumadan;


peningkatan sebanyak 24.2% tahun 2021 dan 50.9% tahun 2022 bagi Ladang Sg. Balung; serta peningkatan sebanyak 26.5% tahun 2021 dan 62.8% tahun 2022 bagi Ladang Sg. Kawa. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5** dan **Carta 3**.

**JADUAL 5**  
**PRESTASI LADANG LUMADAN, LADANG SG. BALUNG DAN LADANG SG. KAWA**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

PERKARA	LADANG LUMADAN			LADANG SG. BALUNG			LADANG SG. KAWA		
	2020	2021	2022	2020	2021	2022	2020	2021	2022
Hektar Matang (Ha) (a)	866	1,012	1,190	3,764	3,764	3,664	1,903	1,882	1,882
Penanaman Semula Hektar Tidak Matang (Ha)	336	190	-	-	-	-	452	249	248
<b>JUMLAH HEKTAR DITANAM (Ha)</b>	<b>1,202</b>	<b>1,202</b>	<b>1,190</b>	<b>3,764</b>	<b>3,764</b>	<b>3,664</b>	<b>2,355</b>	<b>2,131</b>	<b>2,130</b>
Pengeluaran FFB (MT) (b)	18,423	18,792	18,313	87,007	84,895	90,274	48,763	40,658	40,043
Hasil Sehektar (MT/Ha) (c) = (b)/(a)	21.27	18.57	15.39	23.12	22.50	24.64	25.62	21.60	21.28
Kos Operasi Ladang (RM/MT)	382.84	433.96	617.01	225.68	280.19	422.86	232.23	293.83	478.38

Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

**CARTA 3**



Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- BSSB memaklumkan antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kos operasi ladang ialah kos pengambilan pekerja asing, upah pekerja, kos minyak diesel dan harga baja yang semakin meningkat.

## **Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023**

BSSB menanggung segala kos operasi ladang bagi meneruskan kesinambungan operasi ladangnya. Pada masa yang sama, BSSB meminimumkan kos dan meningkatkan pengeluaran hasil ladang bagi memaksimumkan keuntungan.

**Pendapat Audit** | Pengeluaran FFB bagi tiga ladang adalah memuaskan bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Bagaimanapun, kos operasi ladang menunjukkan trend peningkatan bagi tempoh tiga tahun tersebut.

### **b. Prestasi Kuantiti Pengeluaran CPO**

- i. Berdasarkan bajet tahunan syarikat, BSSB menyasarkan kuantiti pengeluaran CPO pada tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 168,185 MT; 156,231 MT; dan 191,875 MT.
- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran sebenar CPO pada tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah masing-masing sebanyak 118,689 MT (70.6%), 139,800 MT (89.5%) dan 158,160 MT (82.4%) berbanding yang disasarkan seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENCAPAIAN KUANTITI PENGETAHUAN CPO**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN (%)
2020	168,185	118,689	70.6
2021	156,231	139,800	89.5
2022	191,875	158,160	82.4

Sumber: Bajet Tahunan 2020, 2021 dan 2022; serta Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- iii. Pengeluaran CPO yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2020, 2021 dan 2022 dipengaruhi oleh kuantiti dan kualiti FFB serta produktiviti oleh pekerja. Pihak Audit dimaklumkan kualiti FFB adalah lebih rendah semasa musim tengkujuh kerana aktiviti penuaan terjejas dan pemindahan FFB ke kilang perlu dibuat dalam tempoh 48 jam daripada menuai.

- iv. Selain itu, penetapan sasaran pengeluaran CPO berdasarkan harga komoditi meningkat. BSSB mengambil strategi meningkatkan pembelian FFB daripada pekebun persendirian secara agresif untuk memperoleh margin keuntungan yang tinggi yang turut memberi kesan kepada kualiti kadar perahan minyak [Oil Extraction Rate (OER)] bagi pengeluaran CPO.
- v. Perbandingan OER BSSB dengan OER Sabah dan Malaysia bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**PERBANDINGAN OER BSSB, SABAH DAN MALAYSIA**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

PERKARA	KADAR OER (%)		
	2020	2021	2022
BSSB	20.31	19.26	18.14
Sabah	20.74	20.55	20.25
Malaysia	19.92	20.01	19.70

Sumber: BSSB dan Data MPOB

- vi. Mengikut penanda aras industri, analisis Audit mendapati OER BSSB pada tahun 2021 dan 2022 adalah di bawah purata OER Sabah dan Malaysia, iaitu masing-masing sebanyak 19.26% dan 18.14%.
- vii. BSSB hendaklah menguruskan kos operasi kilang bagi mengoptimumkan keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati kos operasi kilang per MT bagi lima kilang kelapa sawit BSSB menurun sejumlah RM10.17/MT (13%) pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 tetapi meningkat semula sejumlah RM1.73/MT (2.5%) pada tahun 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**KOS OPERASI LIMA KILANG BSSB**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	KOS OPERASI KILANG (RM/MT)
2020	78.48
2021	68.31
2022	70.04

Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- Lawatan Audit ke Kilang Lumadan dan Kilang Apas Balung mendapati perkara seperti berikut:

- Jumlah FFB diproses oleh Kilang Lumadan adalah 108,200 MT, 149,589 MT dan 163,865 MT; manakala Kilang Apas Balung adalah 148,968 MT, 167,827 MT dan 226,159 MT masing-masing bagi tahun 2020, 2021 dan 2022.
- Jumlah pengeluaran CPO semakin meningkat dalam tempoh tiga tahun 2020 hingga 2022 bagi kedua-dua kilang dengan peningkatan sebanyak 33.2% tahun 2021 dan 3.4% tahun 2022 bagi Kilang Lumadan; dan Kilang Apas Balung sebanyak 4.7% tahun 2021 dan 28.3% tahun 2022.
- Bagi jumlah pengeluaran PK, prestasi bagi Kilang Lumadan meningkat sebanyak 43.7% tahun 2021 dan 7.9% tahun 2022; manakala Kilang Apas Balung meningkat sebanyak 16% tahun 2021 dan 40.7% bagi tahun 2022.
- Kos operasi kilang per MT bagi Kilang Lumadan menurun sebanyak 14.9% pada tahun 2021 tetapi meningkat sebanyak 9.5% pada tahun 2022 berbanding tahun sebelumnya; manakala kos operasi kilang per MT bagi Kilang Apas Balung menurun dalam tempoh tiga tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**PRESTASI KILANG LUMADAN DAN KILANG APAS BALUNG**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

PERKARA	KILANG LUMADAN			KILANG APAS BALUNG		
	2020	2021	2022	2020	2021	2022
Jumlah FFB Diproses (MT)	108,200	149,589	163,865	148,968	167,827	226,159
Jumlah Pengeluaran CPO (MT)	21,685	28,887	29,862	30,676	32,123	41,205
Jumlah Pengeluaran PK (MT)	4,122	5,925	6,391	5,776	6,702	9,431
Kos Operasi Kilang (RM/MT)	90.39	76.96	84.26	75.29	74.62	61.93

Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

### Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023

Kos operasi kilang dapat disebarluaskan ke volum yang lebih besar dan menurunkan kos setiap MT dengan peningkatan FFB yang diproses. Bagaimanapun, pada tahun 2022 peningkatan volum di Kilang Lumadan adalah kecil dan tidak dapat mengimbangi kos bahan mentah dan kos pekerja yang tinggi.

**Pendapat Audit** | Pengeluaran CPO dan PK bagi dua kilang adalah baik bagi tahun 2020, 2021 dan 2022. Kos operasi kilang adalah stabil bagi tempoh tiga tahun tersebut.

### c. Prestasi Kuantiti Pengeluaran PK

- i. Berdasarkan bajet tahunan syarikat, BSSB menyasarkan kuantiti pengeluaran PK tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 36,805 MT; 33,975 MT; dan 41,197 MT.
- ii. Semakan Audit mendapati pengeluaran sebenar PK pada tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah masing-masing 23,300 MT (63.3%), 28,545 MT (84%) dan 35,566 MT (86.3%) berbanding yang disasarkan. Pengeluaran sebenar PK tidak mencapai sasaran pada tahun 2020, 2021 dan 2022 kerana dipengaruhi oleh kuantiti dan kualiti FFB diproses serta produktiviti oleh pekerja. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PENCAPAIAN KUANTITI PENGETUARAN PK**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN (%)
2020	36,805	23,300	63.3
2021	33,975	28,545	84.0
2022	41,197	35,566	86.3

Sumber: Bajet Tahunan 2020, 2021 dan 2022; serta Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- iii. Perbandingan kadar perahan isirung sawit [Kernel Extraction Rate (KER)] BSSB dengan KER Sabah dan Malaysia bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11**  
**PERBANDINGAN KER BSSB, SABAH DAN MALAYSIA**  
**BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

PERKARA	KADAR KER (%)		
	2020	2021	2022
BSSB	3.99	3.93	4.08
Sabah	4.66	4.51	4.47
Malaysia	4.90	4.88	4.86

Sumber: BSSB dan Data MPOB

- iv. Mengikut penanda aras industri, analisis Audit mendapati KER BSSB pada ketiga-tiga tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah di bawah purata KER Sabah dan Malaysia, iaitu masing-masing sebanyak 3.99%, 3.93% dan 4.08%.

### **Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023**

Belanjawan disediakan pada suku ketiga tahun sebelumnya dan dianggarkan berdasarkan situasi ideal cuaca dan tanpa gangguan yang menjelaskan operasi.

BSSB mengambil langkah menyerap semua kos pengambilan pekerja asing termasuk ahli keluarga untuk tinggal bersama pekerja bagi memastikan tenaga pekerja mencukupi dan berterusan. Langkah ini dapat meningkatkan produktiviti pekerja dan memastikan aktiviti ladang berjalan dengan lancar seperti merumpai, membaja dan menuai.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Secara keseluruhannya, pencapaian output bagi kuantiti pengeluaran produk kelapa sawit adalah memuaskan kerana mencapai antara 63.3% hingga 93.8% bagi tempoh tiga tahun 2020 hingga 2022.</b>
-----------------------	---

#### **5.1.1.2. Prestasi Jualan Produk Kelapa Sawit**

##### **a. Prestasi Kuantiti Jualan FFB**

- i. BSSB menyediakan KPI tahunan untuk jualan FFB berdasarkan bajet tahunan syarikat. Berdasarkan KPI tahunan syarikat, BSSB menyasarkan kuantiti jualan FFB bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 357,176 MT; 370,320 MT; dan 351,520 MT.
- ii. Semakan Audit mendapati jualan sebenar FFB bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 394,857 MT (110.5%), 350,044 MT (94.5%) dan 388,973 MT (110.7%). Pencapaian jualan FFB adalah melebihi sasaran bagi tahun 2020 dan 2022 manakala tidak mencapai sasaran bagi tahun 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

**JADUAL 12**  
**PENCAPAIAN KUANTITI JUALAN FFB**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN (%)
2020	357,176	394,857	110.5
2021	370,320	350,044	94.5
2022	351,520	388,973	110.7

Sumber: Bajet Tahunan 2020, 2021 dan 2022; serta Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- iii. Sebahagian FFB daripada ladang kelapa sawit BSSB dijual kepada kilang swasta. Antara sebab FFB dijual kepada kilang swasta ialah ladang kelapa sawit lebih dekat dengan kilang swasta berbanding dengan kilang BSSB dengan mengambil kira faktor kos pengangkutan, masa dan jarak kilang; serta pengeluaran FFB telah melebihi kapasiti kilang BSSB. Selain itu, kilang BSSB tidak dapat memproses FFB sekiranya kilang atau mesin dalam jadual penyenggaraan.
- iv. BSSB memaklumkan pada tahun 2020, FFB dijual kepada kilang swasta dan pusat pengumpulan yang berdekatan dengan ladang disebabkan sekatan PKP ke kilang BSSB. Penurunan kuantiti jualan FFB pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 dan peningkatan semula pada tahun 2022 berbanding tahun 2021 adalah selaras dengan trend pengeluaran FFB tahun 2020, 2021 dan 2022.

**b. Prestasi Kuantiti Jualan CPO**

- i. Berdasarkan KPI tahunan syarikat, BSSB telah menyasarkan kuantiti jualan CPO bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 168,185 MT; 156,231 MT; dan 191,874 MT.
- ii. Semakan Audit mendapati jualan sebenar CPO pada tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 119,037 MT (70.8%), 140,309 MT (89.8%) dan 156,452 MT (81.5%). Secara keseluruhannya, pencapaian jualan CPO bagi tiga tahun berkenaan adalah lebih rendah daripada sasaran. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**PENCAPAIAN KUANTITI JUALAN CPO**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN (%)
2020	168,185	119,037	70.8
2021	156,231	140,309	89.8
2022	191,874	156,452	81.5

Sumber: Bajet Tahunan 2020, 2021 dan 2022; serta Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- iii. BSSB memaklumkan jumlah jualan CPO bergantung kepada jumlah FFB diproses. Jumlah jualan CPO meningkat apabila harga komoditi melonjak pada tahun 2021 dan BSSB mengambil strategi meningkatkan pembelian FFB daripada pekebun persendirian secara agresif untuk memperoleh margin keuntungan yang tinggi. Bagaimanapun, BSSB mengambil langkah untuk mengurangkan pembelian apabila harga mula menurun pada separuh kedua tahun 2022 bagi mengelakkan daripada kerugian dan menjaskan kualiti produk sawit CPO syarikat.

**c. Prestasi Kuantiti Jualan PK**

- i. Berdasarkan KPI tahunan syarikat, BSSB telah menyasarkan kuantiti jualan PK bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 36,805 MT; 33,975 MT; dan 41,197 MT.
- ii. Semakan Audit mendapati jualan sebenar PK bagi tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 23,250 MT (63.2%), 28,594 MT (84.2%) dan 35,405 MT (85.9%). Secara keseluruhannya, pencapaian jualan PK bagi tiga tahun berkenaan adalah lebih rendah daripada sasaran kerana dipengaruhi oleh kualiti FFB diproses. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PENCAPAIAN KUANTITI JUALAN PK**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN (%)
2020	36,805	23,250	63.2
2021	33,975	28,594	84.2
2022	41,197	35,405	85.9

Sumber: Bajet Tahunan 2020, 2021 dan 2022; serta Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

## **Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023**

BSSB sentiasa mengambil peluang untuk meningkatkan pembelian FFB daripada pekebun persendirian apabila harga komoditi melonjak naik. Pada masa yang sama, pengeluaran CPO dan PK yang tinggi menghasilkan jumlah jualan yang menggalakkan.

### **Pendapat Audit**

**Pencapaian output bagi kuantiti jualan produk kelapa sawit adalah memuaskan kerana mencapai antara 63.2% hingga 110.7% bagi tempoh tiga tahun 2020 hingga 2022.**

### **5.1.2. Pencapaian Keberhasilan**

Objektif penubuhan syarikat adalah untuk membangunkan tanah serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga. Sehubungan itu, pencapaian keberhasilan BSSB dinilai berdasarkan pencapaian objektif penubuhan syarikat tersebut. Pencapaian keberhasilan juga dinilai melalui keupayaan pembayaran dividen kepada Kerajaan.

#### **5.1.2.1. Sumbangan daripada Aktiviti Penanam, Petani, Peladang dan Peniaga**

- a. Merujuk data MPOB, BSSB telah menyumbang sebanyak 2.6% (2020), 3.2% (2021) dan 3.7% (2022) daripada jumlah pengeluaran CPO di seluruh Sabah. Bagi pengeluaran PK pula, BSSB telah menyumbang sebanyak 2.2% (2020), 3% (2021) dan 3.8% (2022) daripada pengeluaran di seluruh Sabah. Sumbangan BSSB bagi pengeluaran CPO dan PK di negeri Sabah adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15  
PENGELUARAN CPO DAN PK  
BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SABAH	BSSB	
	MT	MT	%
<b>PENGELUARAN CPO</b>			
2020	4,647,375	118,689	2.6
2021	4,361,537	139,800	3.2
2022	4,286,665	158,160	3.7

TAHUN	SABAH	BSSB	
	MT	MT	%
<b>PENGELUARAN PK</b>			
2020	1,043,751	23,300	2.2
2021	956,791	28,545	3.0
2022	946,504	35,566	3.8

Sumber: Data MPOB dan BSSB

- b. Berdasarkan penyata kewangan beraudit BSSB, nilai jualan CPO telah menyumbang sebanyak 51.7% (2019), 54.4% (2020) dan 59.6% (2021) daripada jumlah keseluruhan pendapatan syarikat manakala jualan FFB menyumbang sebanyak 35.3% (2019), 35.6% (2020) dan 30.3% (2021). Selain itu, jualan PK turut menyumbang sebanyak 6% (2019), 6.2% (2020) dan 7.8% (2021). Secara keseluruhannya, aktiviti jualan produk kelapa sawit telah menyumbang antara 93% hingga 97.7% kepada jumlah pendapatan syarikat bagi tempoh tiga tahun 2019, 2020 dan 2021. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**JUMLAH PENDAPATAN BSSB BAGI TAHUN 2019 HINGGA 2021**

JENIS PENDAPATAN	2019	2020	2021
	RM	RM	RM
<b>PENDAPATAN OPERASI:</b>			
Jualan FFB	165,403,465	209,392,220	314,909,136
Jualan CPO	242,380,372	320,440,799	618,489,353
Jualan PK	28,013,418	36,267,953	80,948,924
<b>JUMLAH</b>	<b>435,797,255</b>	<b>566,100,972</b>	<b>1,014,347,413</b>
	<b>93%</b>	<b>96.2%</b>	<b>97.7%</b>
Pendapatan Lain	25,209,573	17,302,450	16,204,833
Pendapatan Kewangan	7,398,327	5,265,557	7,391,953
<b>JUMLAH</b>	<b>32,607,900</b>	<b>22,568,007</b>	<b>23,596,786</b>
	<b>7%</b>	<b>3.8%</b>	<b>2.3%</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>468,405,155</b>	<b>588,668,979</b>	<b>1,037,944,199</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit BSSB Tahun 2019, 2020 dan 2021

- c. Trend pengeluaran dan jualan produk kelapa sawit memberikan kesan langsung kepada pendapatan syarikat. Pada tahun 2019, BSSB mencatatkan kerugian selepas cukai berjumlah RM14.64 juta. Pada tahun 2020 dan 2021 pula, BSSB telah mencatatkan keuntungan selepas cukai masing-masing berjumlah RM85.95 juta dan RM243.25 juta yang menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Keuntungan selepas cukai pada tahun 2020 meningkat sejumlah RM100.59 juta berbanding tahun 2019 dan RM157.31 juta (183%) pada tahun

2021 berbanding tahun sebelumnya. Setakat 31 Disember 2021, BSSB merekodkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.60 bilion.

### **5.1.2.2. Prestasi Pembangunan Tanah**

- a. Berdasarkan bajet tahunan syarikat, BSSB menyasarkan keluasan kawasan ditanam kelapa sawit pada tahun 2020, 2021 dan 2022 masing-masing sebanyak 54,099 Ha; 53,596 Ha; dan 52,842 Ha. Semakan Audit mendapati keluasan sebenar kawasan ditanam pada tahun 2020, 2021 dan 2022 adalah masing-masing 99.1%, 99.4% dan 100.6% berbanding yang disasarkan seperti dalam **Jadual 17**.

**JADUAL 17**  
**PENCAPAIAN KELUASAN KAWASAN DITANAM**  
**BERBANDING SASARAN BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	SASARAN (Ha)	SEBENAR (Ha)	PENCAPAIAN (%)
2020	54,099	53,633	99.1
2021	53,596	53,275	99.4
2022	52,842	53,157	100.6

Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- b. Jumlah kawasan ditanam meliputi kawasan matang dan penanaman semula kawasan tidak matang. Bagi tahun 2020, 2021 dan 2022, keluasan kawasan ditanam bagi BSSB adalah masing-masing sebanyak 53,633 Ha (79.8%), 53,275 Ha (79.5%) dan 53,157 Ha (78.3%) daripada jumlah keseluruhan kawasan. Keluasan kawasan tidak ditanam bagi tiga tahun tersebut adalah masing-masing sebanyak 13,614 Ha (20.2%), 13,711 Ha (20.5%) dan 14,692 Ha (21.7%). Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

**JADUAL 18**  
**KELUASAN KAWASAN BSSB BAGI TAHUN 2020 HINGGA 2022**

TAHUN	KAWASAN MATANG (Ha) (a)	PENANAMAN SEMULA KAWASAN TIDAK MATANG (Ha) (b)	JUMLAH KAWASAN DITANAM (Ha) (c) = (a) + (b)	KAWASAN TIDAK DITANAM (Ha) (d)	JUMLAH KAWASAN (Ha) (e) = (c) + (d)
2020	41,905	11,728	53,633	13,614	67,247
2021	43,863	9,412	53,275	13,711	66,986
2022	46,312	6,845	53,157	14,692	67,849

Sumber: Data MCM Tahun 2020, 2021 dan 2022

- c. Antara sebab kawasan tidak ditanam ialah tanah tidak sesuai untuk penanaman kelapa sawit, diwartakan sebagai kawasan simpanan dan kawasan dikhaskan untuk penanaman rumput bagi makanan lembu. Peratus kawasan ditanam dengan tanaman kelapa sawit antara 78.3% hingga 79.8% adalah selari dengan objektif syarikat dalam membangunkan tanah.
- d. Pihak BSSB memaklumkan jumlah kawasan ditanam bagi tahun 2021 lebih rendah daripada tahun 2020 disebabkan terdapat kawasan tidak ditanam seluas 240.6 Ha yang diserahkan semula kepada Kerajaan untuk diwartakan sebagai kawasan perkampungan. Pada tahun 2022 pula, peningkatan jumlah kawasan adalah kerana BSSB membeli tanah baharu seluas 171 Ha untuk dibangunkan.

#### **5.1.2.3. Pembayaran Dividen kepada Kerajaan**

- a. Pekeliling Kementerian Kewangan Negeri Sabah Bil. 7 Tahun 2001 menerangkan dasar dan garis panduan bayaran dividen oleh syarikat-syarikat Kerajaan di Sabah. Syarikat Kerajaan yang mencatatkan keuntungan bagi sesuatu tahun kewangan perlu membayar dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan tersebut kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjaskankan kedudukan kewangan syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati BSSB tidak membuat pembayaran dividen kepada Rikaworth bagi tahun 2019 kerana syarikat mengalami kerugian. **Pada tahun 2020, BSSB memperoleh keuntungan sejumlah RM85.95 juta tetapi tiada pembayaran dividen dibuat kepada Rikaworth.**
- c. Semakan Audit selanjutnya terhadap Lejar Am BSSB bertarikh 31 Oktober 2021 mendapati BSSB telah membayar dividen berjumlah RM4 juta (1.6%) kepada Rikaworth setelah memperoleh keuntungan RM243.25 juta pada tahun 2021. Syarikat kumpulan SKSB pula telah membuat pembayaran dividen sejumlah RM49.50 juta (20%) kepada Kerajaan pada tahun yang sama.

## **Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023**

BSSB sebagai syarikat subsidiari Rikaworth perlu membayar balik sebarang pendahuluan antara syarikat sebelum mengisytiharkan dividen kepada pemegang sahamnya Rikaworth. Bagaimanapun, dividen boleh diisyiharkan dari semasa ke semasa seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. BSSB adalah komited untuk membayar dividen kepada syarikat induk dan Kerajaan apabila syarikat telah mendapat keuntungan.

**Pendapat Audit** | **Objektif penubuhan syarikat dalam membangunkan tanahnya serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga telah tercapai. Pembayaran dividen pula hanya dibuat pada tahun 2021.**

### **5.2. Pengurusan Aktiviti**

Empat aspek yang dinilai bagi pengurusan aktiviti BSSB ialah pelupusan kenderaan/jentera ladang, penyimpanan baja, pensijilan operasi ladang dan kilang, serta tunggakan daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan.

#### **5.2.1. Pelupusan Kenderaan/Jentera Ladang**

- a. Kenderaan dan jentera merupakan peralatan utama yang digunakan dalam pengurusan ladang kelapa sawit. Tatacara perolehan dan pelupusan aset BSSB dibuat berdasarkan SOP *Asset Management* (nombor dokumen SKG/FIN/1.0 dan SKG/FIN/1.1 bertarikh 1 Julai 2020). Tatacara pelupusan perlu melalui proses permohonan pelupusan aset [Board of Survey (BOS)] dan proses kelulusan pelupusan aset [Board of Destruction (BOD)]. Kaedah pelupusan pula dibuat dengan cara pemusnahan (BOS-1A), tender (BOS-1B) dan kaedah lain yang bersesuaian (BOS-1C).
- b. Semakan Audit mendapati permohonan pelupusan bagi 16 unit jentera telah dikemukakan kepada Jawatankuasa Pelupusan Wilayah BSSB antara bulan Oktober 2019 hingga Ogos 2022. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

**JADUAL 19**  
**SENARAI PERMOHONAN KENDERAAN/JENTERA UNTUK DILUPUS**  
**BAGI BULAN OKTOBER 2019 HINGGA OGOS 2022**

BIL.	NOMBOR ASET TETAP/ KETERANGAN	LOKASI JENTERA	TAHUN DIBELI	HARGA BELIAN (RM)	TARIKH PERMOHONAN BOS	CADANGAN KAEDAH PELUPUSAN
<b>LADANG LUMADAN</b>						
1.	124411/ <i>Farm Truck U-Lit Ts70 6x6</i>	Ladang Lumadan, Beaufort	TM	80,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
					26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
2.	LUM-PM-OTH-000013/6WD <i>No.6-Six Wheeler</i>	Ladang Lumadan, Beaufort	TM	82,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
3.	FA LUM-PM-OTH-000013/6WD <i>No.6-Six Wheeler</i>	Ladang Lumadan, Beaufort	2014	43,000	26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
4.	LUM-PM-OTH-000014/ <i>Agrocarrier 500</i> 6x6 No.2	Ladang Lumadan, Beaufort	2014	43,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
					26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
5.	LUM-PM-OTH-000015/ <i>Agrocarrier 500</i> 6x6 No.3	Ladang Lumadan, Beaufort	2014	43,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
					26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
6.	LUM-PM-OTH-000016/ <i>Agrocarrier 500</i> 6x6 No.4	Ladang Lumadan, Beaufort	2014	43,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
					26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
7.	LUM-PM-OTH-000017/ <i>Agrocarrier 500</i> 6x6 No.5	Ladang Lumadan, Beaufort	2014	43,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
					26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
8.	LUM-PM-OTH-000018/ <i>Agrocarrier 500</i> 6x6 No.6	Ladang Lumadan, Beaufort	2014	43,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
					26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
9.	LUM-PM-OTH-000006/ <i>Agrocarrier 500</i> 6x6	Ladang Lumadan, Beaufort	TM	43,000	03.10.2019	<i>Scrab iron-tender</i>
10.	FA LUM-PM-OTH-000006/ <i>Agrocarrier</i> 500 6x6	Ladang Lumadan, Beaufort	TM	82,000	26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
11.	FA LUM-PM-OTH-000029/ <i>Landini</i> <i>Tractor 8860 SD2712B</i>	Ladang Lumadan, Beaufort	1997	TM	26.08.2022	<i>Scrab iron</i>
<b>PEJABAT WILAYAH PANTAI BARAT</b>						
12.	FA 3648/ <i>Trailer 5 mt</i>	Pejabat Wilayah Pantai Barat	2015	6,860	10.05.2021	<i>Scrab iron</i>
					26.08.2022	
13.	FA 3650/ <i>Trailer</i>	Pejabat Wilayah Pantai Barat	2013	5,200	10.05.2021	
14.	LUM-PM-OTH-000011/ <i>Refurbish</i> Badang No 10	Pejabat Wilayah Pantai Barat	2014	15,000	10.05.2021	
					26.08.2022	
15.	LUM-PM-OTH-000010/ <i>Mechanical</i> <i>Buffalo No. 15</i>	Pejabat Wilayah Pantai Barat	2014	19,500	10.05.2021	
					26.08.2022	
16.	FA 123313/ <i>Mechanical Buffalo</i> (Badang)	Pejabat Wilayah Pantai Barat	2012	18,900	10.05.2021	
					26.08.2022	

Sumber: Dokumen Pelupusan Aset BSSB Tahun 2019 hingga 2022

Nota: BOS - Board of Survey

TM - Tiada maklumat

- c. Merujuk **Jadual 19**, semakan Audit mendapati permohonan pelupusan bagi enam unit jentera di Ladang Lumadan dan empat unit jentera di Pejabat Wilayah Pantai Barat telah dikemukakan sebanyak dua kali. Setakat Januari 2023, **pihak ladang belum mendapat kelulusan pelupusan aset daripada Jawatankuasa Pelupusan Wilayah untuk tindakan pelupusan bagi kesemua 16 kenderaan/jentera berkenaan.**

d. Selain itu, lawatan Audit ke Ladang Sg. Kawa mendapati **empat jentera rosak belum diambil tindakan untuk pelupusan** seperti di **Gambar 1** hingga **Gambar 4**. Permohonan dan kelulusan untuk pelupusan jentera berkenaan belum dikemukakan untuk semakan Audit setakat Jun 2023. Jentera rosak yang lewat dilupus akan memberi kesan kepada penggunaan ruang penyimpanan dan nilai jual balik semakin merosot.

**GAMBAR 1**



Ladang Sg. Kawa, Tawau  
- Jentera Rosak Belum Dilupus  
(12.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**



Ladang Sg. Kawa, Tawau  
- Jentera Rosak Belum Dilupus  
(12.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



Ladang Sg. Kawa, Tawau  
- Jentera Rosak Belum Dilupus  
(12.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



Ladang Sg. Kawa, Tawau  
- Jentera Rosak Belum Dilupus  
(12.01.2023)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023

Pada tahun 2022, BSSB telah meminta semua unit operasi untuk mengemas kini rekod BOS yang tertangguh dan sebarang aset tambahan kepada BOS, serta mengemukakan senarai terkini untuk kelulusan BOD pada tahun 2023.

**Pendapat Audit** | **Tindakan pelupusan kenderaan/jentera ladang kurang cekap kerana tindakan pelupusan belum diambil bagi 16 unit jentera yang telah dikemukakan permohonan pelupusan dan juga empat jentera rosak.**

### 5.2.2. Penyimpanan Baja

- a. Mengikut amalan terbaik, penyimpanan baja perlu dilaksanakan secara teratur, cekap dan berkesan bagi memastikan kualiti baja sentiasa terjamin dengan cara memberi perlindungan dan penjagaan yang sewajarnya semasa dalam simpanan. Berdasarkan Prosedur Pengurusan Baja Ladang BSSB, stok baja hendaklah disimpan di dalam bangunan yang sesuai dan selamat.
- b. Lawatan Audit ke Ladang Lumadan pada 13 Disember 2022 mendapati **stor penyimpanan stok baja telah dimasuki air banjir dan sebahagian stok baja telah basah**. Keadaan ruang stor terkena banjir adalah seperti di **Gambar 5** dan **Gambar 6**.

**GAMBAR 5**



Ladang Lumadan, Beaufort  
- Stor Baja yang Terkena Banjir  
(13.12.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**



Ladang Lumadan, Beaufort  
- Sebahagian Stok Baja Telah Basah  
(13.12.2022)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023

Banjir di tapak pejabat sedia ada tidak pernah berlaku sebelum ini. Ladang Lumadan sering mengalami hujan lebat dan air pasang berada pada paras yang sangat tinggi menyebabkan air Sungai Lumadan tidak dapat mengalir keluar ke laut.

Bagi mengelakkan kerugian pada masa akan datang, pihak pengurusan ladang telah membuat keputusan untuk menjalankan kerja-kerja menaikkan lantai stor setinggi 2.5 kaki. Kerja-kerja menaik taraf stor dalam proses pelantikan kontraktor dan pihak BSSB sedang menjalankan kerja penyenggaraan parit di kawasan stor berkenaan.

**Pendapat Audit** | **Penyimpanan baja adalah kurang cekap kerana terdedah kepada air ketika situasi banjir berlaku.**

### **5.2.3. Pensijilan Operasi Ladang dan Kilang**

- a. The Malaysian Sustainable Palm Oil Certification Scheme (MSPO) merupakan skim pensijilan nasional di Malaysia bagi ladang kelapa sawit, pekebun kecil dan kilang pemprosesan minyak sawit. Pensijilan ini diperlukan untuk memastikan produk kelapa sawit yang dihasilkan adalah mampan untuk pasaran antarabangsa.
- b. Pensijilan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) dibangunkan oleh Badan Bukan Kerajaan [Non-Governmental Organisation (NGO)] yang diwakili oleh pemain industri sawit. RSPO merupakan sistem pensijilan antarabangsa untuk minyak sawit mampan yang diperakui.
- c. ISO 9001:2015 merupakan standard pengurusan kualiti yang diiktiraf di peringkat antarabangsa dibangunkan dan diterbitkan oleh organisasi antarabangsa untuk penyeragaman.
- d. Semakan Audit mendapati kesemua tiga sampel ladang BSSB telah memperoleh Sijil MSPO. Ladang Lumadan telah memperoleh Sijil MSPO pada 15 Oktober 2019 yang akan berakhir pada 14 Oktober 2024; manakala Ladang Sg. Balung dan Ladang Sg. Kawa memperoleh sijil tersebut pada 24 Februari 2020 yang akan berakhir pada 23 Februari 2025.
- e. Kedua-dua kilang telah memperoleh Sijil ISO 9001:2015. Kilang Lumadan dan Kilang Apas Balung telah memperoleh sijil pengiktirafan daripada SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dalam mematuhi ISO 9001:2015 Sistem Pengurusan Kualiti – Keperluan dalam skop pensijilan pemprosesan FFB kepada CPO dan PK. Sijil tersebut dikeluarkan pada 28 Februari 2022 dan akan berakhir pada 4 Jun 2024.
- f. Selain itu, Kilang Apas Balung juga memperoleh Sijil RSPO bersekali dengan pangkalan bekalan Ladang Sg. Balung dan Ladang Sg. Kawa pada 3 Januari 2023 yang akan berakhir pada 2 Januari 2028.

## Maklum Balas BSSB pada 21 Jun 2023

BSSB berusaha mendapatkan Sijil RSPO bagi kesemua ladang dan kilang miliknya supaya produk kelapa sawit diperakui untuk pasaran peringkat antarabangsa.

**Pendapat Audit** | **Sijil yang diterima oleh ladang dan kilang dalam aspek pengurusan ladang dan kilang menunjukkan pihak syarikat telah mendapat pengiktirafan bagi memenuhi keperluan pasaran antarabangsa.**

### 5.2.4. Tunggakan daripada Syarikat Induk dan Syarikat Berkaitan

- a. Syarikat hendaklah menguruskan penghutang dengan baik untuk meningkatkan keupayaan kewangan bagi kelancaran operasi syarikat. Berdasarkan Garis Panduan Kewangan No. Dokumen SKG/FIN/2.3 (Terimaan) Perkara 8.3, BSSB hendaklah memantau tunggakan hutang syarikat subsidiari dan melaporkan statusnya kepada Jawatankuasa Pengurusan Syarikat.
- b. Aset semasa BSSB meliputi inventori, tunai dan bank, cukai aset semasa serta penghutang syarikat (penghutang dagangan, penghutang syarikat induk dan penghutang syarikat berkaitan). Semakan Audit mendapati **penyumbang terbesar bagi keseluruhan jumlah aset semasa adalah tunggakan hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan iaitu 85.2% pada tahun 2021**. Baki tunggakan tersebut mencatatkan peningkatan sejumlah RM260.25 juta (32.1%) berbanding tahun 2020. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

**JADUAL 20**  
**JUMLAH TUNGGAKAN SYARIKAT INDUK**  
**DAN SYARIKAT BERKAITAN BAGI TAHUN 2019, 2020 DAN 2021**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2019 (RM)</b>	<b>2020 (RM)</b>	<b>2021 (RM)</b>
Tunggakan daripada syarikat induk	73,412,790	68,412,838	60,417,281
Tunggakan daripada syarikat berkaitan	773,895,269	743,087,565	1,011,331,116
<b>JUMLAH TUNGGAKAN</b>	<b>847,308,059</b>	<b>811,500,403</b>	<b>1,071,748,397</b>
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>83.2%</b>	<b>77.7%</b>	<b>85.2%</b>
<b>JUMLAH ASET SEMASA</b>	<b>1,018,216,812</b>	<b>1,044,647,494</b>	<b>1,258,162,794</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit BSSB Tahun 2019, 2020 dan 2021

- c. Analisis Audit mendapati tunggakan daripada syarikat induk telah berkurangan 17.7% daripada RM73.41 juta pada tahun 2019 kepada RM60.42 juta pada tahun 2021. Bagaimanapun, tunggakan daripada syarikat berkaitan menunjukkan peningkatan 30.7% daripada RM773.90 juta pada tahun 2019 kepada RM1.011 bilion pada tahun 2021.
- d. BSSB memaklumkan tunggakan berkenaan antaranya ialah pinjaman berkaitan dasar pengeluaran makanan Wawasan 2020 daripada Sawit Kinabalu Farm Sdn. Bhd.; pelaburan dalam pembangunan kawasan perindustrian di Sandakan; pinjaman daripada Kunak Refinery Sdn. Bhd.; dan pinjaman daripada Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Sabah bagi tujuan pelaburan harta tanah.

### **Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023**

BSSB memastikan tunggakan hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan dibayar.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Tunggakan hutang daripada syarikat berkaitan yang tidak bergerak adalah satu risiko kepada aliran tunai dan kecekapan operasi syarikat.</b>
-----------------------	--

### **5.3. Tadbir Urus Korporat**

- 5.3.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat kerajaan di bawah kawalan Kementerian Kewangan Negeri Sabah (KKNS), pengurusan BSSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A), Kod Tadbir Urus Korporat Negeri Sabah 2010, Prosedur Operasi Standard (SOP) serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke semasa. Selain itu, rujukan boleh dibuat terhadap amalan terbaik daripada Malaysia Code on Corporate Governance (MCCG) 2021, The Green Book – Enhancing Board Effectiveness (Green Book) April 2006, Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) [MKD Handbook] Disember 2014 dan panduan tadbir urus daripada Chartered Institute of Internal Auditors.

5.3.2. Semakan Audit mendapati BSSB mengamalkan tujuh daripada sembilan aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Jawatankuasa Audit, Audit Dalam serta Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan. Dua aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan sepenuhnya ialah SOP serta Pelan Strategik dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI).

5.3.3. BSSB mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan dan aktiviti utama syarikat. Bagaimanapun, **SOP berkenaan tidak dibawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.**

5.3.4. Selain itu, semakan Audit terhadap Pelan Strategik BSSB mendapati **maklumat terperinci yang menyatakan kaedah, tempoh dan fasa pelaksanaan Pelan Strategik tidak disediakan.**

### **Maklum Balas BSSB pada 2 Mei dan 21 Jun 2023**

Pihak pengurusan BSSB akan mengangkat SOP syarikat untuk diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Bagi Pelan Strategik dan KPI, BSSB akan menyediakan pelan strategik untuk tempoh lima tahun ke atas sebagai panduan bagi jangka sederhana dan jangka panjang.

<b>Pendapat Audit</b>	<b>Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus korporat BSSB adalah baik. Tindakan perlu diambil untuk menambah baik dua aspek yang tidak dipatuhi bagi meningkatkan keberkesanan amalan tadbir urus korporat syarikat.</b>
-----------------------	---

## **6. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan BSSB untuk membangunkan tanah serta menjalankan perniagaan penanam, petani, peladang dan peniaga telah tercapai. Bagi aspek keberhasilan, pembayaran dividen kepada Kerajaan hanya dibuat pada tahun 2021. Pencapaian pengeluaran dan jualan produk kelapa sawit berbanding sasaran bagi tahun 2020 hingga 2022 adalah memuaskan dan memberi kesan positif kepada prestasi kewangan syarikat. Bagaimanapun, pelupusan kenderaan/jentera dan kerja menaik taraf stor baja belum diselesaikan. Selain itu,

tunggakan hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan memberi risiko kepada aliran tunai dan kecekapan operasi syarikat. Kedudukan kewangan BSSB adalah kukuh dengan merekodkan keuntungan terkumpul berjumlah RM1.60 bilion setakat 31 Disember 2021. Bagi aspek tadbir urus korporat, secara keseluruhannya adalah baik.

## **7. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan lagi prestasi aktiviti dan memantapkan amalan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah BSSB perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan untuk menambah baik perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak BSSB perlu memberi pertimbangan terhadap syor seperti berikut:

- 7.1. mengurus kos operasi ladang yang menunjukkan trend peningkatan bagi memaksimumkan keuntungan;
- 7.2. mengambil tindakan terhadap pelupusan kenderaan/jentera dan kerja menaik taraf stor baja;
- 7.3. hutang daripada syarikat induk dan syarikat berkaitan berjumlah RM1.072 bilion hendaklah dituntut bagi mengelakkan kerugian kepada syarikat. Penjadualan semula bayaran hutang syarikat berkenaan atau dikontrakkan dengan bayaran dividen kepada syarikat induk boleh dipertimbangkan bagi mengurangkan hutang berkenaan; dan
- 7.4. mematuhi dan menambah baik amalan tadbir urus korporat dalam aspek SOP serta Pelan Strategik dan KPI.